

NAMA: _____

TAHUN/KELAS 8: _____

TARIKH: _____

LATIHAN:

MELAYU ISLAM BERAJA

BIDANG PEMBELAJARAN 2: HUBUNGAN DAN SUMBANGAN TERHADAP KELUARGA, JIRAN DAN MASYARAKAT

BT M.s: 34-38

Sedikit bagi kita,
banyak bagi
mereka

BERBUAT IHSAN: (Taip)

SOALAN MCQ

Arahan: Pilih jawapan yang paling sesuai kemudian tuliskan antara huruf A,B, C atau D ke dalam ruangan di bawah ini.

(MCQ ) 

1. Sikap ihsan dapat diamalkan dengan cara membantu ahli keluarga dan masyarakat yang menghadapi_____.

- a) Kemurungan
- b) Kesusahan
- c) Kebahagiaan
- d) kegembiraan

2. Berikut adalah kesan bagi berbuat ihsan KECUALI

- a) Setiap perbuatan baik mendapat balasan pahala daripada Allah.
- b) Mewujudkan sikap bantu-membantu.
- c) Menimbulkan rasa kebencian dan perkelahian.
- d) Membentuk sikap bekerjasama dan bertolak ansur.

3. Berbuat ihsan bukan hanya kepada manusia malahan juga terhadap semua makhluk Allah di muka bumi ini seperti _____.

- i) Burung-burung
- ii) Binatang-binatang ternakan
- iii) Serangga
- iv) Tumbuh-tumbuhan

- a) ii dan iv
- b) ii dan iii
- c) i,iii dan iv
- d) i, ii, iii dan iv

4. Dalam berbuat ihsan, pertolongan dan bantuan boleh dilakukan melalui berbagai-bagai cara iaitu menghulurkan wang ringgit, tenaga,_____dan_____.

- a) Buah fikiran dan nasihat
- b) Buah fikiran dan kasih sayang
- c) Makanan dan minuman
- d) Tempat tinggal dan kereta

5. Sikap ihsan dapat mengasuh diri kita untuk menjadi orang yang sentiasa bersyukur, penyayang dan _____.
- a) Tidak bertanggungjawab
b) Sombong
c) Bertolak ansur
d) Mementingkan diri sendiri
6. 'Dalam kehidupan bermasyarakat dan berjiran sikap ihsan dapat diamalkan melalui penglibatan diri dalam membantu orang-orang yang kurang bernasib baik.'
Siapakah yang dimaksudkan dengan orang-orang yang kurang bernasib baik?
- a) Warga emas dan pelajar yang memerlukan bimbingan dalam pembelajaran.
b) Warga emas, orang-orang yang berkeperluan khas dan orang-orang yang ditimpa kesusahan.
c) Warga emas dan orang yang susah sahaja.
d) Warga emas sahaja.
7. Kita sangat digalakkan untuk membantu orang miskin atau susah lebih-lebih jika ia terdiri dari _____ kita sendiri.
- a) kawan baik
b) guru
c) kenalan baru
d) ahli keluarga
8. Apabila berbuat ihsan, pertolongan yang kita berikan biarlah _____.
- a) ikhlas
b) mengharapkan sesuatu balasan.
c) berpada-pada
d) diketahui oleh orang ramai
9. Sikap berbuat ihsan adalah sifat yang _____ dan berperikemanusiaan.
- a) dibenci
b) terpuji
c) kejam
d) sombong
10. Sikap ihsan dapat ditunjukkan Ketika ahli keluarga kita ditimpa musibah atau _____.
- a) Kematian
b) Kemewahan
c) Kegembiraan
d) kesenangan

[1x2= 10 MARKAH]